

**PUNGGUR TUA: IKTIBAR DAN INTERPRETASI  
KEHIDUPAN MANUSIA  
PUNGGUR TUA: GUIDANES AND INTERPRETATION OF  
HUMAN LIFE**

*Naffi Mat*

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Tanjong Malim, Perak, Malaysia  
naffi@fbk.upsi.edu.my

**ABSTRAK**

Elemen kehidupan manusia sejagat merupakan intipati yang menjadi sumber renungan pengarang kreatif yang memiliki sensitiviti yang mendalam. Cerpen 'Punggur Tua' yang dihasilkan oleh Muhd Mansur Abdullah merupakan karya yang menggunakan simbol 'punggur' yang sudah 'tua' untuk menterjemahkannya melalui interpretasi dalaman. Tujuan penelitian ini bagi melihat keperihatinan pengarang terhadap kehidupan seseorang individu yang hanya menunggu waktu untuk kembali menhadap Tuhan. Namun begitu, tokoh berkenaan yang masih tinggal di kawasan elit tidak boleh lenggang dengan kuasanya. Dia masih didatangi oleh individu yang memerlukan pertolongannya. Dalam pada itu, anak-anaknya atau orang terdekat dengannya mengambil kesempatan di atas kelemahan dirinya yang disebabkan faktor usia. Kesimpulan, simbol 'punggur' itu masih utuh dan bertenaga menanti saat-saat kematiannya.

Kata Kunci: Punggur, Belatuk, Parasit, Kematian, Pergolakan jiwa

## **ABSTRACT**

*Human lives and conflicts have always been the source of inspiration for writers who possess deep sensitivity. The short story 'Punggur Tua' or The Old Tree Stump by Muhd Mansur Abdullah utilizes the symbolic old tree stump to give deeper meaning to his work. The analysis of his work is to reveal the writer's sensitivity to issues in a person's life who is waiting for Death to claim him. However, the public figure still wields some sense of power and people come to him to solicit help. His children and nearest relatives, on the other hand, take advantage of his old age for their own benefit. Evidently, the tree stump is still strong and powerful, although it is at the end of its life.*

*Keyword: Tree stump, woodpecker, parasite, death, soul conflict*

## **PENGENALAN**

Makhluk Tuhan yang hidup pada suatu ketika akan merenungkan dirinya dan akan membuat tempahan paspot atau visa ke destinasi kematian seperti mana terkandung dalam ayat al-quran "Dan tiadalah yang menerima peringatan, melainkan orang yang kembali kepada Allah"(al-Mu'minin 13). Sampai kepada suatu peringkat usia, manusia terutamanya akan meninggalkan alam dunia dan akan menuju ke alam barzakh. Ini akan dialami oleh semua makhluk tanpa mengira usia. Tetapi pada lazimnya, apabila sampai usia tua, tempahan ini akan dipanggil oleh malaikat ke dunia baharu. Berdasarkan firman di atas, ternyata manusia pada suatu titik waktu akan mengingat dirinya sendiri untuk kembali ke pangkuan Illahi. Mereka sendiri juga membuat penentuan akan kekerdilannya di sisi Tuhan. Membicarakan fenomena ini, cerpen "Punggur Tua" karya Mohd Mansur Abdullah diambil dari teks kumpulan cerpen 'Sewangi-wangi Tulang' (1992). Penulis hanya sekadar memberi tafsiran terhadap gumpalan pemikiran yang tersirat melalui simbol 'punggur' yang pada hakikat diperkaitkan dengan kehidupan manusia tatkala usia semakin tua.

## **'Punggur' dan Tafsirannya**

Kehidupan manusia tidak terputus dengan alam. Di alam inilah Allah menganugerahkan roh kepada setiap insan yang diciptanya di muka bumi ini. Maka bermulalah kehidupan, iaitu suatu pertalian antara roh dengan badan serta hubungan interaksi antara keduanya. Justeru, hidup juga merupakan suatu sumber kenikmatan sebab dengan adanya hidup maka seseorang dapat merasakan kenikmatan dan tanpa kehidupan itu maka tidak seorang pun dapat menikmati erti kehidupan di dunia serta merasakan pembalasan baik atau buruk di akhirat kelak.

Mengikut Hamid Muhammad al-Abbadi (1981), dunia ini diciptakan Allah sebagai tempat kehidupan dan kematian, sedangkan alam akhirat dijadikan sebagai tempat pembalasan dan kemudian tempat yang kekal abadi. Kerana itu, Allah menciptakan di dunia ini berbagai kesenangan dan bermacam kelazatan yang merupakan bekas-bekas Rahmat-Nya dan hanya sekadar sebahagian kecil daripada kesenangan dan kelazatan yang ada di dalam alam akhirat. Justeru, pelbagai tanda atau symbol di alam maya boleh dijadikan iktibar. Orang-orang tua dahulu kala, mengambil kira faktor alam seperti senja, daun atau batang kering, uban di kepala, kulit kayu dan macam-macam lagi yang boleh diidentifikasi dengan faktor tua. Ciri-ciri begini sudah signifikan untuk memberi isyarat supaya individu berkenaan dapat bermuhasabah dengan kehidupannya.

Sehubungan dengan ini, 'punggur' adalah sebahagian daripada alam. Keakraban ini menyebabkan orang Melayu turut menjadikan alam sebagai perbandingan dan perlambangan hidup yang dapat dijadikan iktibar dan contoh pengajaran demi kesejahteraan dan keharmonian hidup. Malah, unsur-unsur alam juga menggambarkan perilaku anggota masyarakat Melayu (Naffi Mat, 2013). Tumbuh-tumbuhan, iaitu pokok besar yang diciptakan Tuhan juga mengalami kehidupan yang tersendiri. Bermula dari benih kemudian membesar bertunjangkan akar di atas tanah yang ditaburi baja, udara dan segala macam keperluan yang telah dihulurkan oleh Allah. Tetapi dalam cerpen 'Punggur Tua',

pokoknya adalah pokok tanjung. Pokok ini merupakan sejenis pokok yang rending dan mengeluarkan bunga yang harum. Pokok ini menghasilkan buah untuk dinikmati oleh kanak-kanak. Sudah menjadi lumrah alam, sebagaimana manusia, pokok juga mengalami rutin hidup yang sama. Sampai pada suatu tempoh waktu, waktu tanjung yang besar batangnya tidak mampu selamanya menongkat langit. Lama kelamaan, pokok akan mati: daun berguguran, tinggallah ranting yang juga akan patah dan gugur ke bumi. Selama ini tertebar keharuman kepada masyarakat, apabila sudah tua, sudah tidak dipedulikan lagi. Akhir sekali, tinggallah bahagian punggur sebelum lupus segala-galanya.

Hashim Awang (1991), memperakui terdapat objek alam dan sifat-sifat alam yang memperlihatkan hubungannya dengan manusia. Hubungan ini dapat memperkukuhkan hubungannya dengan manusia. Maka, objek alam yang turut mengalami tragedi, kepupusan, kezaliman dan pengkhianatan oleh tangan-tangan manusia merupakan lambang yang memberi kesan makna yang mampu diberi tafsiran.

Maka, 'punggur' yang cuba diungkapkan oleh pengarang Mohd Mansur Abdullah, merupakan bahagian umbi pokok yang paling bawah dan terakhir tertinggal pada sebatang pokok. Bahagian ini dianggap paling keras dan agak sukar untuk melenyapkan. Sekiranya untuk menghauskannya daripada penglihatan manusia, bahagian punggur pokok terpaksa ditakik, dibakar dan dicungkil sampai ke peringkat akar umbinya. Kalau tidak, punggur ini akan dibiarkan begitu sahaja sehingga dimakan luluhawa dan akhirnya akan reput dan lenyap dimakam waktu.

Tafsiran lain bagi 'punggur' ialah batasan usia atau lain perkataan usia yang sudah tua. Ternyata, Mohd Mansur Abdullah secara tidak sengaja ingin memperkatakan tentang usia manusia terutama golongan yang sudah mencapai usia tua. Mengikut Imam Habib Abdullah Haddad (1982), manusia mengalami pelbagai pergolakan dan keadaan yang terus dialami oleh setiap manusia, ada yang berlainan, ada yang bersamaan dan ada pula setengahnya sama dan setengahnya tidak sama. Beliau membahagikan umur manusia kepada lima peringkat, iaitu:

- a. Umur pertama: Dari sejak Allah mencipta Adam a.s. dan dibekalkan zuriat pada tulang punggungnya. Di antara zuriatnya yang bahagia dan zuriat yang celaka. Maka zuriat itu pun berpindahpindah terus menerus dari tulang sulbi lelaki ke dalam rahim wanita, dan dari rahim wanita ke tulang sulbi lelaki, sehingga lahirlah tiaptiap orang dari antara ayah dan ibunya.
- b. Umur kedua: Dari sejak lahirnya manusia dari kedua ibu bapanya ke muka dunia, sehinggalah masa wafatnya dan keluarnya dari alam dunia ini.
- c. Umur ketiga: Dari sejak keluarnya dari alam dunia ini dengan wafat, sehinggalah manusia dibangkitkan Allah setelah ditiupkan shur (sangkakala), iaitu masa menunggunya manusia di alam barzakh.
- d. Umur keempat: Dari sejak keluarnya manusia dari kubur, ataupun dari masa perintah Allah untuk ditiupkan shur pada hari kebangkitan, sehinggalah tiba hari manusia sekalian dikumpulkan di hadapan pengadilan Allah untuk ditimbang semua amalannya serta dihisab.
- e. Umur kelima: Dari sejak kemasukan manusia ke dalam syurga untuk kekal di dalamnya. Itulah umur yang tiada hujung dan akhirnya. Atau pun dari sejak kemasukan ahli-ahli neraka ke dalam neraka, sedang keadaan mereka ini, satu dengan yang lain tidak sama. Ada yang kekal di dalamnya buat selama-lamanya. Tidak ada batas atau akhir lagi, iaitulah orang-orang kafir.

Hakikat usia yang digambarkan dalam bahagian kedua, menggambarkan seseorang manusia apabila sampai peringkat umurnya akan mati. Mereka akan diangkat keluar dari alam dunia. Sebagai saluran penyampaian dakwah, sesiapa sahaja mampu menegur setiap insan supaya ingat akan hari kematian. Muhd Mansur Abdullah telah menggunakan saluran medium cerpen untuk mengingati usia tua yang sekaligus sudah menghampiri alam kematian. Situasi ini lebih ketara apabila pengarang membandingkan seseorang individu yang terhormat yang semakin

menghampiri mati tetapi masih mempunyai perangai, fiil dan *attitude* yang lupa asal usul kejadian.

### **Kegelisahan Jiwa Manusia**

Cerpen 'Punggur Tua' secara metaforik mempersoalkan jiwa individu yang menghadapi saat-saat terakhir dalam hidupnya, yang secara sinis diperkejakan dengan nilai falsafah di dalamnya. Pengarang yang memiliki deria pengamatan yang cukup mendalam tentang kehidupan, telah mengangkat persoalan hidup dan mati untuk direnungi dan diteladani. Sensitiviti pengarang amat diterujai dengan mengibaratkan tunggu kayu yang sudah tidak memberi nilai dunia dan ukhrawi sebagai suatu simbol dalam kehidupan manusia terutamanya golongan tua. Dari satu segi, punggur tua dianggap objek yang tidak memberi apa-apa manfaat dan kepentingan ke dalam hidup orang lain.

Pada permulaan cerita, pengarang secara sinis telah mengkritik tunggul tersebut walaupun hanya tinggal tunggul sahaja. Gambarannya jelas, tunggul itu merupakan insan yang mungkin seorang tokoh terhormat yang hebat mempunyai sifat degil, tetapi memiliki kecekapan yang tersendiri. Ini dapat dilihat pada awal cerita, iaitu: Kedegilannya tidak siapa dapat dinafikan. Dan ia lebih terkenal dengan sifat degilnya. Dihormat. Sebagai tokoh yang cekap dan tidak dapat digoncang pendiriannya. Tidak padan dengan tua, tidak sedar tenaga sudah berkurangan. (hal. 92)

Lazimnya, apabila manusia mempunyai kuasa yang tinggi dan telah menguasai kehidupan sehariannya, tabiat tersebut sudah menjadi lumrah dan asam garam dan terbawa-bawa sehingga ke akhir hayat. Apabila harta dan rasa ingin dihormati menguasai kehidupan, kehendak-kehendak tersebut ingin dirasai sampai ke akhir hayat. Apabila ketokohan dan rasa diri hebat menguasai diri, tabiat ini ingin rasa diteruskan bagaikan seorang 'dewata', iaitu disembah, dipuja dan disanjung. Tanggapan dan tafsiran ke atas individu sebegini membawa kepada ramuan dan sentuhan yang ingin diberikan oleh pengarang.

Pada awal cerita, Muhd Mansur Abdullah secara deskriptif memperlihatkan gambaran fizikal tunggul pokok tanjung yang sudah tua. Antara gambaran yang memperlihatkan tanggapan yang perlu diberi tafsiran ialah: 'kulitnya sudah lama retak-retak', 'sudah tersoyak', 'batang sudah itu banyak lukanya'. Sebagai perbandingan, ini memberi gambaran betapa tuanya seseorang manusia. Seorang yang sudah tua memiliki kulit yang sudah kendur dan berkedut-kedut, urat-urat sudah timbul dan sudah megelebeh dan akhir sekali berkemungkinan sudah ada kesan parut atau tompok-tompok hitam yang merupakan tinggalan kesan penyakit. Sekiranya pengarang bertindak sebagai seorang pelukis alam, perbandingan ini telah dilukis dengan lebih realiti. Dan ini memberi kesan estetik. Warna-warna kelabu diadun dengan warna coklat dapat menghiasi keseluruhan catannya.

Gambaran dalaman, pengarang turut melukisnya dengan penuh realiti. Bahagian dalam kulit tunggul itu sudah reput dan peroi. Lebih dasyat, dagingnya sudah peroi dan terdapat tanda-tanda pada badannya sudah berlubang dan tertebuk. Keadaan yang amat mudarat ini berkemungkinan telah mengeluarkan bau yang kurang enak dihidu. Keadaan yang dikatakan buruk ini telah menjadi tempat bersarangnya binatang-binatang kecil 'seperti serangga dan kutukutu tumpang diam dalam dagingnya yang lisut itu. Mereka beranak-pinak dalam dirinya'.

Individu yang mengalami keadaan sedemikian dianggap manusia yang menunggu saat untuk mati. Manusia yang sudah dimakan usia tua selalunya memiliki bermacam penyakit. Tubuh badannya sudah mengeluarkan bau yang busuk. Maka sebab itu, pengarang menggambarkan tunggul tersebut sudah menjadi tempat persinggahan serangga dan binatang-binatang kecil membuat sarang dan meneruskan hayatnya di situ. Ianya bukan sahaja menjadi tempat hinggap segala parasit untuk bersarang, tetapi sudah ditumbuhi kulat sisir dan yang paling dasyat dililit oleh dedalu api. Pokok dedalu dianggap pokok yang mementing diri sendiri sehingga mampu membunuh pokok yang ditumpanginya. Sifat pokok dedalu memang mencari kesempatan ke atas kelemahan pokok lain.

Begitulah tabiat manusia. Terdapat manusia lain yang mengambil peluang untuk mendapat sesuatu habuan yang diidamkan. Begitulah sebaliknya berlaku ke atas kehidupan manusia yang sudah tua bangka. Walaupun sudah tua, tetapi disebabkan dia berharta, mempunyai status, masih dibayangi dengan kuasa, masih mampu memberi pendapat dan nasihat, dia akan didatangi dan dikerumuni sanak-saudara yang berkepentingan. Mereka cuba mengikis segala hartanya, mengorek segala rahsianya, memohon segala kepentingan dan menumpang segala kekuasaannya. Namun begitu, walaupun usia sudah tua, insan begini masih lagi memiliki perasaan. Dia mengetahui kedatangan dan kesempatan yang diambil ke atas dirinya. Menyedari hakikat ini, secara rintihan nurani, dia sentiasa bermohon kepada Tuhan agar diambil nyawanya secepat mungkin. Ini dapat dilihat dalam petikan berikut: Rasakanlah, dalam ketuaannya begitu, dia didera. Dia disiksa. Dengan daging yang sudah lunyai, sudah lisut dan reput dia dicengkam dan diperas sebegitu kejam, menjadikan ia merintih. Merintih memohon kematian agar disegerakan. (hal. 93).

Pergolakan jiwa seorang tua, penyelaman sifat internal seorang terhormat diberi pemerhatian yang mendalam oleh Muhd Mansur Abdullah. Pengarang cuba melukis secara realis bersandar simbol terhadap hidup manusia yang penuh dengan rintihan batin. Penyeksaan batin amat dirasai apabila datang angin ribut. Realitinya amat jelas. Tunggul kayu tua yang terdedah dengan luluhawa seperti ribut dan angin menyebabkan perasaan dan rasa batin akan lebih tergugat. Angin ribut akan menyebabkan tunggul terasa dalam dakapan kesejukan, ketidakselesaan dan sebagainya. Ribu juga 'seperti tidak tergamak mahu menyempurnakan tugasnya'. Sebagai seorang yang bersemangat tinggi, dia tetap ingin meneruskan bakti dan sumbangannya kepada masyarakat. Tetapi disebabkan angin ribut yang melanda menyebabkan impiannya terbatas. Dia terus ingin disanjung dan dikerumuni oleh masyarakat bagi mendapatkan pertolongan.

Orang yang menanti hari untuk mati adakalanya tidak dipedulikan oleh saudara mara terdekat. Dia dibiarkan uzur tanpa perlindungan yang sewajarnya. Adakala diancam tanpa memikirkan



kesengsaraannya. Mohd Mansur Abdullah menggunakan lambang burung belatuk sebagai pengancam sehingga merosakkan punggur tua itu. Burung belatuk telah menebuk lubang, menggali sehingga berbini dan beranak. Di sini, pengarang menggunakan satu lagi lambang tentang kisah kehidupan manusia, iaitu burung belatuk. Spesies burung belatuk pada kebiasaannya akan membuat sarang dalam lubang. Dengan menggunakan paruhnya yang tajam dan keras, burung ini mampu menebuk lubang pada batang pokok yang telah mati. Tetapi tidak pasti sama ada terdapat burung belatuk akan mengerjakan punggur kayu tua yang terletak di bahagian rapat dengan tanah. Lazimnya, burung ini cukup akrab dengan pokok kelapa atau batang pokok jenis lembut yang masih lagi tinggi untuk ditebuk lubangnya bagi membuat sarang.

Menunggu saat kematian merupakan suatu penantian yang menyiksakan. Tetapi, sebagai manusia, manusia sebegini masih mempunyai hati dan perasaan. Dia masih mampu mengimbuai kehebatannya. Sebagai pokok tanjung, dia mampu menenggelamkan kehebatan pokok-pokok lain yang hebat. Dia berjaya mengatasi keangkuhan pokok sena, merbau dan juga ketapang. Saingannya ini juga mempunyai peranan yang sama, iaitu memberi perlindungan kepada sesiapa yang memerlukannya. Namun begitu, pokok tanjung memiliki satu keistimewaan, iaitu memiliki bunga yang wangi. Bunga ini merupakan lambang sebagai pemberi kesenangan dan keselesaan kepada yang memerlukannya. Pada zaman dahulu, bunga tanjung dipuja dan dipakai sebagai penyanggul kepada anak gadis. Kewangiannya tidak dapat dinafikan. Malah 'setiap unggas yang singgah memuji-mujinya'.

'Tunggul Tua' masih beremosi dan menganggap dirinya yang terhebat. Dia merasakan usianya semakin luntur. Usia tuanya menyebabkan dia insaf dan sedar kedudukan dirinya dalam kalangan masyarakat. Dia menyedari kelompok masyarakat yang mengelilingi hidupnya. Dia tinggal di kawasan golongan elit dan bangsawan menyebabkan dirinya masih lagi terpelihara. Dia menyedari sekiranya dia tinggal di kawasan kampung atau dusun, dirinya sudah lama lenyap dari muka bumi. Orang kampung lebih memahami keadaan orang yang menunggu saat-saat kematian.

Kalau di kota, orang tua sepertinya dibiarkan begitu tanpa jagaan yang sempurna. Tetapi berbeza dengan masyarakat kampung. Orang kampung lebih memahami perasaan. 'Mereka lebih arif terhadap perasaan pokokpokok kayu'. Ini terbukti melalui petikan seperti; " Entah kerana mereka diam berjiran dengan hutan dan kayu-kayan, atau entah kerana mereka menghayati pokok dan pepohon itu, punggur sendiri tidak mengerti. Tetapi ia yakin, kalau di kampung, sudah lama petani itu merobohkannya (hal. 96-97)."

Di dalam peringkat umur yang sangat tua atau tua Bangka ini, biasanya seseorang itu akan sakit hingga membawa kepada mati. Adakalanya ia mati tanpa mengidap penyakit. Akan tetapi ia berlaku jarang sekali, malah ia berlaku juga (Imam Habib Abdullah Haddad, 1982). Muhd Mansur Abdullah berjaya menggarap hati dan jiwa manusia yang sedang dalam kegelisahan menunggu saat kematiannya. Walaupun tua macam mana sekali, seseorang itu akan terpaksa menghadapinya dengan penuh keredhaan. "Biarpun sebulan lagi, setahun lagi atau seratus tahun lagi penyiksaan itu akan ditahankannya juga dalam kelaliannya. walau apapun, ia tahu kematian akan tiba. Dan semacam kemestian pula, mati itu mesti dihadapinya (hal. 97)."

Dalam cerpen ini, pengarang dapat memberi natijah bahawa hidup dan mati terletak dalam kehendak Illahi. Tiapa siapa yang dapat menentukan kematian seseorang. Pengarang secara bersahaja menutup cerpennya dengan ungkapan yang member nafas dan roh kepada watak yang direnungi. Kata-kata ini semacam member kekuatan, iaitu: 'Ia cecal dengan kepastiannya.' Ini bertepatan dengan maksud firman Allah dalam Surah al-Qashash: 88, yang bermaksud: "Segala sesuatu adalah binasa selain Tuhan. Segala keputusan itu kepunyaan Tuhan, dan kepadaNya lah kamu akan kembali". Pada hakikatnya, pokok yang hanya meninggalkan kesan 'punggur' sudah dianggap mati. Tetapi tafsiran pengarang, apabila memberi makna pada kematian, bermaksud segala-gala hilang dari pandangan mata. Kesannya tidak perlu diperlihatkan lagi. Selagi mempunyai kesan, bermakna ianya masih hidup.

## KESIMPULAN

Muhd Mansur Abdullah dengan cerpen “Punggur Tua” membawa satu tafsiran dalam pergolakan hidup manusia dengan disangkut itipatinya dengan dakwah Islamiah. Pergolakan jiwa dan nurani ‘punggur tua’ yang dimaknakan dengan seorang individu yang sudah tua dan hanya menunggu saat-saat kematian.

Walaupun usia sudah tua, watak yang berada dalam kegelisahan masih terus merasakan dirinya dihormati dan disanjung oleh masyarakat yang memerlukan khidmatnya. Masyarakat yang terdiri dari pelbagai status berterusan menghurunginya. Namun terdapat juga yang mengambil kesempatan untuk mengkhianatinya. Namun begitu, ‘punggur’ ini mempunyai semangat yang cecal walaupun sudah tua. Cerpen ini walaupun tidak disulami dengan teknik dan struktur bahasa yang menggerunkan, tetapi cukup berkesan untuk dijadikan renungan dan ingatan tentang hidup dan mati. Antaranya memperlihatkan keegoan dengan kerendahan hati manusia. Pernah seorang penyair mengungkapkan kata-kata berikut: “Biarlah segala perkara berjalan sebagaimana mestinya, dan tidurlah dengan tenang/ kerana setiap saat Allah mengubah suatu keadaan kepada keadaan yang lain dengan kehendakNya.”

## RUJUKAN

- Hamid Muhammad Al-Abbadi. (1981). *Menuju ke Alam Barzakh*. Singapura: Pustaka Nasional. Pte. Ltd.
- Hashim Awang. (1991). “Melihat Munajat di Perkebunan Menerusi Pendekatan Alamiah” dlm. *Dewan Sastera* 21:4, hlm. 46-48, April 1991.
- Imam Habib Abdullah Haddad. (1982). *Peringatan Tentang Umur Insan*. Kelantan: jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Negeri Kelantan.
- Muhammad Ash-Shayim. (2007). *Ayat-ayat Penyejuk Qalbu*. Semarang: Pustaka Nuun.

- Muhd. Mansur Abdullah. (1992). *Sewangi-Wangi Tulang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naffi Mat. (2013). *Pemikiran Dharmawijaya*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.